

14 SEP 1998

ANWAR CUBA MENUTUP HAL PERIBADI, KATA ISA

BAHAU, 14 Sept (Bernama) -- Bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim sepatutnya lebih tawadhuk dan merendah diri dan tidak angkuh dalam menghadapi tindakan kerajaan dan parti, kata Menteri Besar Negeri Sembilan Tan Sri Mohamad Isa Abdul Samad.

Isa menyelar sikap Anwar yang katanya membuat tohmahan terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sejak pemecatannya 2 Sept lepas.

"Ketika dalam kerajaan dahulu, beliau cukup lantang memuji Perdana Menteri," katanya kepada pemberita di Kampung Serting Ilir dekat sini hari ini.

"Tetapi sekarang berlainan dan oleh itu, rakyat perlu faham akan sejarah Anwar."

Isa juga berkata beliau tidak nampak sesuatu yang istimewa dalam "Perisytiharan Permatang Pauh", deklarasasi gerakan reformasi yang dilancarkan Anwar di kawasan Palrlimennya Sabtu lepas.

"Deklarasi itu adalah sebagai usaha untuk mencari kepentingan diri sendiri. Ia lebih merupakan mahu tutup masalah peribadi dengan mengalih perhatian rakyat akan kejatuhannya dan dengan teori konspirasi," katanya.

Anwar, yang dipecat dari kerajaan dan Umno kerana dituduh terbabit dalam pelbagai salahlaku seks, telah menafikan tuduhan itu yang didakwanya sebagai satu konspirasi untuk menjatuhkannya.

Isa berkata Anwar janganlah terlalu emosional.

-- BERNAMA

AS SJ